

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [LIPIS]

SOALAN : NO. 03

SOALAN

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sejauh manakah kebenaran terhadap desas-desus di mana kerajaan bercadang untuk membina Loji Air di kawasan Empangan Jaleh, Kuala Lipis sebagai jalan penyelesaian kepada masalah air di Parlimen Lipis. Sekiranya benar dakwaan tersebut, bilakah projek ini akan dijalankan. Sekiranya tidak benar, bilakah pula kerajaan akan mula merancang untuk membina Loji Air di lokasi yang bersesuaian dalam Parlimen Lipis kerana masalah air yang melanda di Parlimen Lipis amat membebankan rakyat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada masa ini tiada perancangan bagi pembinaan loji air baru di kawasan Empangan Jaleh. Ini memandangkan kapasiti pengeluaran air terawat sebanyak 52 JLH dari sembilan (9) buah loji rawatan air (LRA) mampu menampung permintaan sedia ada.
2. Bagi tujuan perancangan jangka masa panjang pula, pihak Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) telah menyiapkan Kajian Bekalan Air Lipis bagi memenuhi permintaan bekalan air di Lipis sehingga tahun 2030. Ia melibatkan pembinaan rumah pam, tangki sedutan di Loji Rawatan Air Jelai dan pemasangan paip ke tangki Bukit Bius di Daerah Lipis yang kini dalam proses perolehan oleh pihak Pengurusan Air Pahang (PAIP).
3. Manakala bagi meningkatkan mutu perkhidmatan air pula, program pengurangan Kadar Air Tidak Terhasil (*Non Revenue Water* (NRW) secara holistik telah dijalankan di Lipis bermula dari tahun 2014 hingga 2016 melibatkan peruntukan RM32,863,333.00. Antara program yang dijalankan termasuk penukaran paip-paip *Asbestos Cement* (AC) yang lama, penubuhan *District Metering Zone* (DMZ), pembaikan tangki

dan pemasangan injap pengurangan tekanan (*pressure release valve* - PRV) bagi membantu untuk mengurangkan kadar air yang tidak terhasil di samping membantu meningkatkan sistem bekalan air. Sasaran penurunan NRW yang ditetapkan ialah 20% berbanding nilai *baseline* 54.3%